

STRATEGI WACANA KOMUNIKASI TEKS TENGGU RAZALEIGH HAMZAH: SATU ANALISIS KEBAHASAAN

RAHIM AMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

NORFAZILA AB. HAMID
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

Abstrak

Artikel ini membincangkan strategi wacana komunikasi teks ucapan Tengku Razaleigh Hamzah. Teks ucapan ini mengandungi 34 perenggan dan 101 ayat yang tentunya mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Kerangka teori yang mendasari kajian ini ialah analisis wacana kritis. Sehubungan itu, penulis turut menjelaskan satu proses kepimpinan yang tumpat di dalamnya iaitu praktis kepimpinan. Selain itu, aspek khusus yang dibincangkan ialah bagaimana pemimpin ini menggembeleng wacananya demi menarik perhatian daripada masyarakat terutama ahli parti yang terbabit. Pemantapan dalam berhujah akan dapat meyakinkan rakyat atau ahli yang dipimpin tentang kecekapan beliau dalam memimpin parti. Walaupun secara jelas ucapan ini diujarkan dalam satu majlis khusus, namun penulis beranggapan bahawa lebih wajar wacana ini dilabelkan sebagai wacana kepimpinan kerana ucapan yang dikumandangkan oleh pewacana lebih menjurus kepada wacana kepimpinan terutamanya bagi memantapkan kedudukan pewacana sebagai pemimpin parti. Kepimpinan dan bahasa adalah diibaratkan sebagai isi dan kuku dan tidak boleh dipisahkan. Ini disebabkan, jika seseorang pemimpin tidak tahu berbahasa, kemungkinan besar pucuk pimpinannya akan menjadi lemah. Hasil kajian telah membuktikan bahawa walaupun jelas ucapan yang dikumandangkan dalam majlis yang boleh dianggap majlis pengikat tali silaturrahim, tetapi isi ucapan teks tersebut

lebih menekankan dan menonjolkan ucapan tentang keperibadian pewacana sebagai seorang pemimpin. Sehubungan itu, penulisan ini turut memberikan manfaat bagi memahami proses sosial yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, berlandaskan teori analisis kritis ini dengan jelas membuktikan bahawa wacana pengucapan Tengku Razaleigh Hamzah mengandungi praktis kepemimpinanya.

Kata kunci: *Wacana; teori analisis kritis; wacana kepimpinan; Tengku Razaleigh Hamzah; UMNO*

TENGGU RAZALEIGH HAMZAH'S COMMUNICATION DISCOURSE STRATEGY TEXT: A LINGUISTIC ANALYSIS

Abstract

This article discusses speech communication strategies of Tengku Razaleigh Hamzah. The speech contains 34 paragraphs and 101 sentences that hold strong to their individual privileges. The theoretical framework that underlies this study is critical discourse analysis. Accordingly, the author explains a dense leadership process that is practical leadership. The specific aspects discussed is how the leaders to collaborate the discourse to attract the attention of the public, especially members of the party involved. The strength in their arguments will convince the audience and people on his efficiency in leading the party. It is simply appropriate if this discourse is labelled as leadership discourse as the speech presented is inclined towards leadership discourse to strengthen the position of the utterer as the leader of the party. Leadership and language is literally like, flesh and nail that cannot be separated because a good leader has to be rhetoric to lead a strong party. Research results revealed that the speech uttered in the event that aims to strengthened relationship amongst them will highlight the utterer as a leader. In relation to this, this article intends to facilitate towards understanding the social process that is happening in the society. Thus, based on critical analysis theory it is clearly proven that the speech discourse of Tengku Razaleigh Hamzah carries along his practical leadership qualities.

Keywords: *Discourse; theory of critical analysis; leadership*

discourse; Tengku Razaleigh Hamzah; UMNO

PENGENALAN

Pemimpin adalah orang yang menangani urusan manusia yang ramai bilangannya. Dalam Islam, tugas pemimpin ialah menegakkan syaria't Allah dan berhukum dengan hukuman-hukuman yang diturunkan oleh Allah s.w.t. Pemimpin dalam Islam, haruslah mengangkat mitra kerja atau pegawai yang cekap, dan ia diharamkan mengutamakan keluarga dekat, tetangga, atau orang-orang yang berasal dari suku dengannya, atau siapa pun yang tidak cekap. Dalam menjalankan segala urusan yang berkait dengan kepimpinan, bahasa adalah salah satu senjata yang penting untuk membentuk masyarakat yang bertamadun tinggi. Jika tidak, tidak wujudlah pepatah Melayu '*rosak bahasa musnahlah bangsa*., dan bahasa adalah sebagai lambang jiwa bangsa atau ungkapan yang selalu berkumandang di negara kita ialah *bahasa jiwa bangsa*. Dalam kehidupan manusia, bahasa merupakan alat ayat terpenting yang membolehkan manusia berinteraksi dan berkomunikasi. Sejak kecil lagi manusia menggunakan bahasa untuk berhubung dengan orang lain melalui norma-norma tingkah laku yang sama. Bahasa adalah faktor utama yang membezakan manusia dengan binatang. Maksudnya, bahasa hanya dimiliki oleh manusia. Binatang tidak mempunyai bahasa. Bagi ahli psikologi pula, bahasa adalah suatu alat yang berguna kepada manusia untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan untuk mencari kekayaan.

Dalam penulisan ini, penulis akan mengenalpasti sejenis teks ucapan yang penulis labelkan sebagai wacana praktis kepimpinan. Walaupun secara jelas ucapan ini diujarkan dalam majlis hari raya, tetapi penulis beranggapan bahawa lebih wajar wacana ini dilabelkan sebagai wacana kepimpinan kerana ucapan yang dikumandangkan oleh pewacana lebih menjurus kepada wacana kepimpinan terutamanya bagi memantapkan kedudukan pewacana sebagai pemimpin parti. Bagi penulis, kepimpinan dan bahasa adalah diibaratkan sebagai *isi dan kuku* dan tidak boleh dipisahkan. Ini disebabkan, jika seseorang pemimpin tidak tahu berbahasa, kemungkinan besar pucuk pimpinannya akan menjadi lemah.

Oleh itu, dalam penulisan ini, penulis akan menjelaskan satu proses kepimpinan yang tumpat di dalamnya iaitu praktis kepimpinan. Sehubungan itu, aspek khusus yang akan dibincangkan ialah bagaimana pemimpin ini menggembeleng wacananya demi menarik perhatian daripada masyarakat terutama ahli parti yang terbabit. Pemantapan dalam berhujah akan dapat meyakinkan para audien dan dapat meyakinkan rakyat atau ahli yang dipimpin tentang kecekapan beliau dalam memimpun parti.

WACANA

Dalam kamus linguistik, Harimurti Kridalaksana (2007) mentakrifkan wacana

sebagai satu satuan bahasa dalam hierarki gramatikal yang terlengkap dan wacana ini direalisasikan dalam bentuk karangan yang utuh atau kata yang membawa amanat yang lengkap. Menurut Yumono (2007), wacana adalah satu kesatuan makna (semantik) antara bahagian di dalam satu keutuhan bahasa dan wacana juga terikat dengan konteks. Selain itu, Stubbs (1983) memberikan pengertian wacana dalam tiga situasi, pertama wacana ialah satu keutuhan bahasa yang melewati sempadan ayat. Kedua, wacana ialah satu kesatuan kebahasaan yang berhubungan antara bahasa dan masyarakat dan ketiganya, wacana ialah satu proses berkenaan dengan ciri-ciri interaktif atau dialogik komunikasi sehari-hari (lihat juga Keraf, 2008, 2007; Karlberg, M. 2005; Philip, N. & Cynthia, H. 2002; Hall, S. 1997).

Berdasarkan pengertian wacana di atas maka, dapat disimpulkan bahawa wacana adalah satu kesatuan kebahasaan yang berada pada hierarki gramatikal yang teratas, wujudnya berkonteks dan satu kesatuan wacana itu berupaya menggambarkan hubungan antara bahasa dan masyarakat dalam aspek komunikasi harian mereka. Justeru, sesuaiilah seperti mana yang diungkapkan oleh Schramm (dlm Severin, W, J. & Tankard, J, W., 1979) bahawa komunikasi yang tentunya menjadikan bahasa sebagai medium perhubungan mampu bertindak sebagai fungsi pemujukan, pemberitahu, pengajar dan penghibur (lihat juga Zainal Arifin & Junaiyah, 2009).

Wacana kepimpinan yang dibincangkan dalam penulisan ini ialah satu teks ucapan daripada Tengku Razaleigh Hamzah. Secara keseluruhannya, wacana ini mempunyai 34 perenggan dan mengandungi 101 ayat. Teks ini, penulis melabelkan sebagai satu wacana kepimpinan kerana pewartannya adalah lebih menonjolkan sifat kepimpinannya. Selain itu, selalunya majlis ini akan didahului dengan ucapan saling maaf memaafi antara satu sama lain, tidak kiralah sama ada dari pihak pemerintah mahupun kalangan rakyat yang dipimpinnnya dengan jelas memaparkan bahawa ikatan perpaduan yang kukuh antara pemimpin dan rakyat. Dalam analisis teks ucapan ini, penulis menganalisis data satu persatu bagi tujuan dapat memahami apakah aspek yang diperkatakan dan apakah maksud yang hendak disampaikan oleh pewartana.

KERANGKA TEORI ANALISIS WACANA KRITIS

Kerangka Teori yang mendasari kajian ini ialah analisis wacana kritis. Secara umum, analisis wacana kritis melihat wacana bukan sekadar sebagai kategori linguistik dan wahana komunikasi semata-mata, sebaliknya lebih sebagai membuat pertalian antara struktur dan proses sosial dan budaya di satu pihak dengan ciri teks (*properties of text*) di pihak yang satu lagi (Idris Aman 2002:6). Menurut pendekatan ini, sebagai bentuk panduan lakuan sosial bahasa tidak dapat dielakkan terikat dengan proses sosial dan budaya dan bagaimana ia berfungsi dan berperanan.

Bahasa sememangnya tidak digunakan dalam bebas konteks wacana yang meliputi ideologi, sistem sosial, dan institusi. Menurut Idris Aman (2002: 6),

analisis wacana kritis bukanlah satu kerangka yang melihat wacana secara telus semata-mata, sebaliknya merupakan satu kerangka teoritikal yang prihatin dan komited terhadap proses sosial yang tumpat di dalam wacana. Dengan kata lain, kerangka teori ini mempertimbangkan wacana sebagai suatu proses sosial, seperti kuasa, kepimpinan, ideologi, kawalan, perkauman, hegemoni, solidariti, dan sebagainya, terutama kesan daripada proses sosial dan budaya kontemporari dunia, seperti globalisasi dan liberalisasi perdagangan. Ini selaras dengan pandangan Fairclough dan Wodak (1977: 258), yang berbunyi, “*CDA (critical discourse analysis) sees itself not as dispassionate and objective social science, but as engage and committed*”

Sehubungan itu, Van Dijk (1998: 2) dan Fairclough & Wodak (1997: 271), mengandaikan bahawa wacana kritis yang memfokus atau membicarakan isu sosial dan politik berbanding paradigma semasa. Justeru, oleh kerana isu sosial itu tumpat di dalam wacana serta tidak semua orang pewacana dan penganalisis menyedari maka analisis dilakukan secara empirikal dan multidisiplin atau interdisiplin bagi membongkarnya. Sehubungan itu, analisis wacana berkenaan sebaik-baiknya dianggap sebagai satu metode mengendalikan kajian terhadap persoalan yang juga memerlukan penjelasan faktor di luarnya (Fairclough 1992: 226).

WACANA UCAPAN KEPIMPINAN DAN ORIENTASI KHALAYAK

Salah satu praktis kepemimpinan Tengku Razaleigh yang tersirat yang dapat dilihat ialah praktis kepemimpinan orientasikan khalayak. Praktis kepemimpinan ini ialah mengutamakan ahli atau rakyat yang dipimpin dan rakyat adalah sasaran utama untuk menyampaikan wacananya sama ada berkiat dengan ideologi, seruan, atau hasutan daripada pewacana. Oleh itu, bagi menjelaskan dengan lebih terperinci lagi analisis ini akan dirumuskan beberapa perawakan linguistiknya yang dianalisis daripada dimensi amalan wacana dan ciri tekstual. Melalui dimensi amalan wacana ini akan dilandasi oleh proses wacananya, interdiskursiviti, dan interdiskursiviti. Selain itu, penulis akan paparkan penglibatan aktif pewacana dalam penghasilan teks, bentuk interaksi, penyebaran dan transformasi teks, interdiskursiviti, dan intertekstualiti.

PENGLIBATAN AKTIF PEWACANA DALAM PENGHASILAN

Dalam urusan penghasilan wacana kepemimpinan ini, penulis mendapati bahawa pengucap terlibat secara langsung dalam proses penyediaan teks ucapan ini. Penulis beranggapan sedemikian memandangkan penulis adalah pemimpin parti pada masa itu, dan secara tidak langsung pewacana sememangnya peka terhadap segala apa yang berlaku di sekeliling beliau. Kepekaan pewacana tentang keadaan sekeliling ini, jelas dapat dipaparkan melalui setiap butir yang diucapkan itu penuh dengan emosi dan secara tidak langsung kelancaran pengucapan ini akan menarik perhatian para pendengar atau secara keterlaluan penulis sifatkan orang

yang berada di bawah partinya terlalu drastik dan fanatik terhadap semangat pati yang dipimpin.

Oleh itu, sebagai seorang pemimpin parti, sudah tentu pewacana tidak akan melepaskan peluang untuk meyakinkan pengikut partinya. Bagi pewacana, apabila sudah memimpin parti, hati dan kebajikan ahli partinya harus dijaga supaya pewacana tidak akan hilang majoriti undi dalam pilihan raya nanti. Penulis beranggapan pewacana terlibat secara langsung dalam penghasilan teks kerana melalui setiap ucapan yang dikumandangkan oleh pewacana itu mempunyai makna tersirat apabila pewacana ada mengaitkan dengan pengorbanan pemimpin terdahulu dan percubaan pewacana menonjolkan keburukan pemimpin terkini melalui masalah yang melanda negara pada masa itu iaitu masalah kegawatan ekonomi.

WACANA MONOLOG INTERAKTIF

Walaupun secara jelas wacana pengucapan itu teks monolog, namun penulis beranggapan bahawa wacana pengucapan ini merupakan monolog interaktif. Sekiranya diteliti dengan lebih mendalam dan menelusuri dengan betul wacana ucapan itu, penulis mendapati bahawa terdapat beberapa agenda yang cuba dilakukan oleh pewacana dalam tahun itu. Bukti yang meyakinkan penulis beranggapan sedemikian ialah dalam wacana ucapan ini, pewacana cuba mengingatkan kepada ahlinya tentang sikap pemimpin terdahulu yang telah memperlihatkan sikap yang jujur, dan ikhlas, tegas, dan berani, dan sentiasa mengutamakan kepentingan bangsa dan negara lebih daripada kepentingan diri dari keluarga masing-masing. Segala pemaparan sikap pemimpin terdahulu ini, pewacana secara tidak langsung akan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap kata-kata yang diucapkan kerana generasi sekarang akan tahu pengorbanan yang telah dilakukan oleh pemimpin terdahulu. Selain itu, dalam wacana ini, pewacana turut menggesa masyarakat untuk bersatu padu, menyedarkan masyarakat tentang pengorbanan pemimpin terdahulu, adanya unsur nasihat, saranan, cadangan selaku memperlihatkan kedudukan pewacana sebagai pemimpin parti.

Walaupun majlis yang diadakan adalah mengeratkan tali silaturrhaim, tetapi dalam majlis tersebut pewacana tidak dapat lari mengeluarkan teks ucapan yang menampakk diri pewacana seorang pemimpin parti. Oleh itu, melalui ucapan ini, walaupun pembaca tidak ada pada masa majlis itu berlangsung, tetapi kehangatan majlis itu dapat dirasai oleh pembacaa melalui ucapan yang berkumandang itu telah dibukukan. Setelah membaca teks ini, penulis mendapati bahawa betapa agresifnya pemimpin parti ini untuk mendapat tempat dalam pemerintahan negara.

INTERDISKURSIVITI

Interdiskursiviti menurut Fairclough (1992: 232) ialah 'jenis wacana' (*discourse*

type) atau nama-nama lain yang selarasnya, seperti genre atau jenis aktiviti yang dijalinan di dalam penghasilan sesuatu wacana. Praktis kepimpinan yang berorientasikan khalayak ini sememangnya boleh dilihat daripada amalan aspek interdiskursiviti wacana pengucapan itu. Daripada hasil penelitian penulis, penulis mendapati pengucapan ini dihasilkan dengan bersandarkan beberapa jenis wacana lain. Antara jenis wacana lain yang melatari wacana ini ialah laporan, argumentasi, narasi, deskripsi, hujahan, dan ekspresi.

Wacana jenis argumentasi yang dijalinan di dalam ucapan berkenaan adalah berfungsi sebagai memberitahu ahli parti tentang perkara-perkara yang semakin meruncing yang berlaku dalam masyarakat dan memberikan sebab-sebab mengapa keadaan ini berlaku. Tujuan pewartana menggunakan wacana jenis ini ialah untuk membangkitkan ahli parti yang dikatakan masih lena ataupun masih tidak menyedari gejala yang tidak diingini berlaku menular dengan begitu agresif sekali. Melalui wacana jenis ini, jelas menampakkan pemimpin parti iaitu pewartana berjaya menyampaikan masalah yang berlaku dengan berkesan dan secara tidak langsung menyedarkan ahli-ahli parti.

Antara contoh-contoh wacana jenis argumentasi di dalam ucapan ini ialah:

1. 11.1 Marilah kita gunakan kesempatan di hari baik dan bulan baik ini untuk memeriksa diri kita masing-masing, untuk menilai kembali kejayaan yang telah dicapai dan kegagalan yang telah dialami, untuk menentukan prioriti kegiatan dan perjuangan kita. 2. Kita tidak boleh berpura-pura untuk tidak mengakui keadaan kucar-kacir yang sedang berlaku dikalangan bangsa Melayu di pelbagai bidang yang berhubung dengan ketuanan Melayu di bidang ekonomi lebih-lebih lagi yang berhubungan dengan masalah kemiskinan dan pengangguran di kalangan bangsa kita, dan di bidang pendidikan lebih-lebih lagi yang berhubungan dengan kerendahan prestasi pelajar-pelajar Melayu di setiap peringkat pendidikan.
2. 12.1 Keadaan kucar kacir yang amat jelas dibidang politik ialah malapetaka yang menimpa parti kita yang bermula dengan sikap yang angkuh, “intolerant” dan penuh dendam kesumat dari mereka yang sedang berkuasa membawalah kepada keputusan mahkamah mengistiharkan parti yang kita cintai ini, dianggap sebagai menyalahi undang-undang, dan lebih menyedihkan lagi apabila pihak yang sedang berkuasa tidak membuat sebarang usaha untuk menyelamatkan parti kita daripada dibunuh. 2. Malah sebaliknya mereka sendiri melalui peguam yang mereka upah dengan sengaja telah mengemukakan hujah-hujah yang mahukan keseluruhan parti kita tersebut diistiharkan tidak sah disisi undang-undang. 3. Maka akibat daripada semuanya itu berlakulah satu keadaan yang sangat pelik dan ganjil, satu keadaan yang sangat “ironical” dalam mana mereka yang berkuasa sekarang, menghendaki UMNO dimansuh dan dimusnahkan.
3. 13.1 Yang lebih menyedihkan lagi, sudahlah tidak ada sebarang usaha

untuk memulihkan “legal status” parti kita itu, malah usaha yang dilakukan untuk menggantikan parti itu dalam bentuk lain oleh pihak yang sedang berkuasa ini tidak langsung menghitung kepentingan perpaduan bangsa. 2. Sebaliknya bukan sahaja parti asal kita telah dimusnahkan malah perpaduan sesama bangsa kita telah dengan sengaja diinjak-injakkan pula. 3. Maka akibat semuanya itu ketentuan politik Melayu di negara kita yang tercinta ini yang selama ini diasaskan atas semangat perpaduan bangsa Melayu di bawah naungan wadah UMNO terjejas dan terggugat.

4. 14.1 Hakikat ini memang telah diakui oleh semua pihak termasuk oleh mereka yang cuba hendak membentuk apa yang disebut sebagai UMNO (Baru) sekarang. 2. Mereka mendabik dada dan mendakwa kononnya UMNO (Baru) ialah untuk mengwujudkan perpaduan bangsa Melayu yang telah mereka hancurkan melalui peguam yang mereka upah. 3. Tetapi bila ternyata bahawa percubaan memulihkan perpaduan melalui UMNO (Baru) itu mendapat sambutan dingin maka mereka menuduh kita sebagai penghalang dan pengacau. 4. Memang amat mudah membuat tuduhan sambil menutup kesalahan dan dosa mereka terhadap parti UMNO dan bangsa Melayu. 5. Tetapi mereka tidak mahu menerrima hakikat bahawa bangsa Melayu tidak mahu menerrima UMNO (Baru) kerana apa yang disebut sebagai UMNO (Baru) menafikan semangat UMNO 46 dan memandang ringan pengorbanan dan perjuangan para penganjur bangsa yang telah banyak berjasa. 5. Selain itu, semangat perpaduan dan amalan bermasyarakat serta sikap toleransi dan prinsip-prinsip demokrasi tidak mendapat perhatian yang wajar oleh penaja UMNO (Baru) itu. 6. Oleh itu kerana itu mereka janganlah meenyalahkan kita atau menuduh orang lain sebagai punca kegagalan mereka. 7. Bagaimanakah kita hendak menggagalkan usaha merreka sedangkan kita tidak mempunyai kuasa dan kedudukan. 8. Mereka patutlah sedar bahawa semangat UMNO 46 masih bernyala dan bergolak di hati sanubari bangsa Melayu. 9. Oleh kerana itulah apa yang disebut UMNO (Baru) tidak akan diterima oleh bangsa Melayu. 10. Dan mereka patutlah sedar bahawa kekucar-kaciran politik Melayu sekarang adalah kerana sikap mereka yang angkuh dan “intolerant” yang cuba hendak menafikan sejarah dan semangat perpaduan bangsa Melayu yang tumbuh dan berkembang melalui wadah UMNO 46. 11. Mereka patutlah sedar bahawa selagi UMNO 46 tidak dipulihkan selagi itulah politik Melayu akan tetap berada dalam kucar-kacir.

Seterusnya, ialah wacana jenis laporan. Wacana jenis laporan yang dijalinan dalam pengucapan berkenaan jelas berfungsi sebagai satu langkah seorang pemimpin parti untuk memberitahu ahli partinya tentang keadaan semasa negara daan tentang nasib parti yang dipimpinnya. Jenis wacana ini selalunya mendedahkan maklumat tentang ‘apa’, ‘siapa’, ‘bila’, atau ‘bagaimana’.

Penggunaan wacana jenis ini jelas memaparkan pewacana iaitu pihak pemerintah sediri cuba sedaya upaya untuk memberitahu ahli partinya tentang perkara yang berlaku. Dalam wacana ucapan ini, terdapat beberapa contoh jenis wacana laporan antaranya ialah:

5. **0.8.1.** Oleh kerana itu kita amatlah kesal dan tersinggung bila ada pihak-pihak yang cuba hendak menyindir pemberian gelaran Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia kepada Yang Teramat Mulia Tunku. 2. Sebagai satu bangsa yang bertamadun dan beradab sopan, kita mestilah tahu berterima kasih dan mengenang budi. 3. Kita tidak rela tokoh agung yang kita sanjung seperti Yang Teramat Mulia Tunku cuba disindir-sindir seakan-akan cuba hendak menafikan jasa bakti dan perjuangannya. 4. Oleh kerana itu adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa mengingatkan generasi sekarang dan generasi yang akan datang bahawa kemerdekaan negara yang telah membawa nikmat kepada kita semua dan terutama sekali kepada orang-orang kaya baru dan orang-orang pandai baru sekarang adalah hasil dari titik peluh Yang Teramat Mulia Tunku. 5. Yang Teramat Mulia Tunku telah memimpin bangsa dan negara kita mencapai kemerdekaan dan kemudian bersama-sama pemimpin seangkatannya, terutama Allahyarham Tun Abdul Razak, telah meningkatkan taraf sosioekonomi bangsa kita. 6. Orang-orang kaya baru, orang-orang pandai baru dan orang-orang yang berkuasa sekarang hendaklah menyedari hakikat ini dan hendaklah sentiasa tahu berterima kasih dan pandai mengenang jasa.
6. 15.1. Manakala kekucar-kaciran di bidang ekonomi pula dapat kita perhatikan dengan semakin merebaknya pengangguran di kalangan bangsa Melayu termasuk di kalangan mereka yang berkelulusan tinggi. 2. Di samping itu penngagihhan pendapatan bukan sahaja memperlihatkan kemiskinan yang masih berleluasa di kalangan bangsa Melayu malah juga memperlihatkan jurang perbezaan yang semakin luas baik sesama bangsa Melayu mahupun antara bangsa Melayu dengan orang yang bukan Melayu.
7. 16.1. Kita memang mengakui bahawa Dasar Ekonomi Baru yang diilhami dan dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak di awal tahun tujuh puluhan dahulu telah berjaya memperbaiki kedudukan sosioekonomi bangsa Melayu secara relatif tetapi sejak awal tahun lapan puluhan, ternyata telah gagal mencapai matlamat yang ditetapkan. Ini berlaku kerana kesalahan dan kesumbangan alokasi sumber dalam pembangunan yang lebih mementingkan projek-projek mewah dan megah serta industri raksaksa. 2. Satu keadaan yang amat menjolok mata ialah kemunculan segelintir golongan yang tidak putus-putusnya membolot kekayaan dengan rakus. Sedangkan pembangunan pertanian dan luar bandar tidak mendapat perhatian dan alokasi sumber yang wajar.

8. **18.1.** Tetapi sayang perancangan ekonomi yang sepatutnya membawa manfaat kepada rakyat di luar bandar seperti yang kita gariskan ini ternyata tidak mendapat perhatian yang wajar dari mereka yang berkuasa sekarang. **2.** Ini amatlah menyedihkan dan lebih menyedihkan lagi kerana setakat ini kita tidak melihat adanya usaha-usaha yang berkesan dan sistematik oleh pihak yang sedang berkuasa hari ini untuk menghadapi situasi selepas tamatnya tempoh Dasar Ekonomi Baru ini nanti. **3.** Sebaliknya sumber-sumber yang ada lebih banyak dibazirkan kepada kegiatan-kegiatan para menteri yang berarak dari setempat ke setempat sambil menyanyi di hadapan khalayak ramai untuk meleakakan rakyat dari realiti sosial dan kesengsaraan ekonomi yang sedang mereka deritai.
9. **26.1.** Kebebasan bersuara dan penyaluran berita yang lengkap dan seimbang melalui media massa yang “established” semakin tersekat. **2.** Maka sebagai akibatnya budaya khabar angin dan surat layang semakin merebak luas. **3.** Dengan demikian kita semua mengalami kesukgaran untuk memperoleh berita dan keterangan yang jelas mengenai sesuatu perkara. **4.** Kerana itu adakalanya kita terpaksa bergantung kepada akhbar-akhbar dan penerbitan dari negara asing untuk mengetahui hal ehwal dalam negara kita sendiri. Berlanjutan daripada wacana jenis laporan ini, pewacana turut menggunakan jenis wacana penerangan bagi memantapkan lagi topik yang hendak disampaikan. Wacana jenis penerangan ini adalah bertujuan untuk mendedahkan sesuatu maklumat dengan lebih terperinci. Matlamat wacana jenis ini memahamkan kepada ahli parti bahawa hak kebebasan yang selama ini dikecapi semakin terancam Oleh itu, dengan menggunakan wacana jenis ini, pemimpin parti dapat menyuarakan pendapat beliau melalui masalah yang kian meruncing ini. Antara contoh wacana jenis penerangan ialah seperti berikut:
10. **27.1.** Suasana muram dan ancaman kepada kebebasan ini semakin diperkuat dengan Akta-Akta Pindaan yang terang-terang bertentangan dengan prinsip dan semangat demokrasi yang diperjuangkan oleh UMNO selama ini. **2.** Oleh kerana itu sesuai dengan suasana bulan Syawal yang penuh dengan semangat muhibbah dan persaudaraan ini, marilah sama-sama memperkuatkan azam untuk memulihkan suasana kebebasan, kemesraan dan keterbukaan. **3.** Dan marilah sama-sama kita menegaskan bahawa kita menjunjung semangat demokrasi berparlimen, memullikan keluhuran undang-undang dan meendaulatkan institusi Raja Berperlembagaan yang semuanya ini memberi asas dan pedoman perjuangan parti kita sejak 42 tahun yang lalu. Saudara dan saudari,, Seagama dan sebangsa yang dikasihi. **4.** Sebagai tanda terima kasih dan penghargaan terhadap para pejuang

bangsa yang telah mendahului kita dan sebagai tanda terima kasih serta tanggungjawab terhadap generasi yang akan datang, marilah sama-sama kita menyedari dan menginsafi cabaran dan ancaman perpecahan yang semakin megerunkan yang dihadapi oleh bangsa kita sekarang. 5. Marilah kita menyeru diri masing-masing serta diri seluruh keluarga UMNO agar menginsafi kesilapan kita bersama dan memberhentikannya perbuatan kita saling tuduh menuduh yang merugikan. 6. Marilah sama-sama kita menggembelikan segala sumber yang ada pada kita untuk menyatupadukan kembali seluruh bangsa Melayu, untuk menjunjung cita-cita suci perjuangan parti kita yang telah dirintis dan dipupuk oleh para penganjur kita sejak tahun 1946 dahulu.

Wacana jenis narasi turut digunakan oleh pewacana. Wacana jenis ini hanyalah bersifat penceritaan iaitu yang berkait rapat dengan proses kepimpinan pemimpin terdahulu. Tujuan pewacana, bagi pendapat penulis ialah pewacana cuba membandingkan cara pemimpin terdahulu mentadbir negara dengan pemimpin yang baru. Sememangnya dalam teks ucapan ini, dengan jelas penulis katakan sebagai satu teks yang menyeru ahli parti untuk membangkang apa saja dasar yang dilaksanakan oleh pemimpin negara pada masa itu (1988). Contoh wacana jenis ini ialah:

11. 06.1. Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn sebagai zuriat pemimpin agung Allahyarham Dato Onn bin Jaafar, sesungguhnya seorang tokoh pemimpin yang berwibawa dan berhemah tinggi. 2. Kita kagum dan kita menyanjung tinggi keikhlasan dan kejujuran beliau sebagai pemimpin yang dikenali dengan keyakinan dan penghormatan beliau terhadap undang-undang. 3. Dan dalam keadaan institusi kehakiman kita sekarang cuba hendak digugat, kita teringat tentang sikap tegas dan penghormatan beliau terhadap keluhuran undang-undang.
12. 29.1. UMNO yang dilahirkan dalam tahun 1946 adalah manifestasi semangat bangsa Melayu yang menyedari pentingnya nilai-nilai perpaduan demi mempertahankan martabat dan maruah bangsa. 2. Dengan semangat yang bergelora dan dengan menjunjung nilai-nilai perpaduan itulah parti kita menentang dan menghancurkan gagasan Malayan Union. 3. Itulah parti UMNO yang telah diasaskan atas semangat mesyuarah dan terbuka kepada seluruh bangsa Melayu yang sentiasa memberi sokongan dan dokongan.
13. 30.1. UMNO yang di dalamnya terkandung suasana dan persaudaraan, semangat perundingan dan musyawarah. 2. UMNO yang menjunjung kesucian agama Islam, mendaulatkan institusi Raja Berperlembagaan, menyuburkan amalan demokrasi berparlimen dan memuliakan keluhuran undang-undang. 3. UMNO yang telah berjaya memperjuangkan adalah parti untuk seluruh bangsa Melayu di setiap peringkat dan penghidupan dari seluruh pelosok negara. 4. Semuanya ini dapat dicapai melalui sifat dan fikiran yang terbuka yang menjadi pegangan para pemimpin dan

pendokong UMNO ketika itu.

Jalinan wacana deskripsi turut digunakan oleh pewacana bagi menyampaikan ucapannya. Wacana deskripsi ini, ialah bertujuan untuk menerangkan, menjelaskan secara terperinci dengan sebab akibat untuk memberi pembaca atau para ahli tahu tentang apa yang ingin disampaikan oleh pewacana tentang beberapa masalah yang kian menular di samping, dapat menjelaskan faktor-faktor gejala ini berlaku. Contoh wacana jenis deskripsi dalam teks wacana ucapan ialah:

14. 12.1. Keadaan kucar kacir yang amat jelas di bidang politik adalah malapetaka yang menimpa parti kita yang bermula dengan sikap angkuh, “intolerant’ dan penuh dendam kesumat dari mereka yang sedang berkuasa dan membawalah kepada keputusan mahkamah mengisytiharkan parti yang kita cintai ini, dianggap sebagai menyalahi undang-undang, dan lebih menyedihkan lagi apabila pihak yang sedang berkuasa tidak membuat sebarang usaha untuk menyelamatkan parti kita daripada dibunuh. 2. Malah mereka sendiri melalui peguam yang mereka upah dengan sengaja telah mengemukakan hujah-hujah yang mahukan keseluruhan parti kita tersebut diisytiharkan tidak sah di sisi undang-undang. 3. Maka akibat daripada semuanya itu berlakulah keadaan yang sangat pelik dan ganjil, satu keadaan yang sangat “ironikal” dalam mana mereka yang berkuasa sekarang, mengkehendaki UMNO dimansuhkan dan dimusnahkan.

Di samping itu, penulis mendapati bahawa jenis wacana yang dijalin dalam menghasilkan ucapan pada majlis itu, ialah terdapatnya wacana jenis ekspresi. Wacana ekspresi ini berrkait rapat dengan aspek politik, ekonomi, dan sosial. Namun, dalam teks ini penulis mendapati wacana jenis ekspresi digunakan oleh pewacana ialah satu luahan pewacana untuk mengajak, memujuk, serta kehendak pewacana supaya masyarakat faham akan matlamat pucuk pimpinannya serta sedar masalah yang melanda dalam negara ini. Berikut ialah contoh jenis wacana ekspresi yang terdapat dalam ucapan majlis Hari Raya iaitu:

15. 32.1. Oleh itu adaalah menjadi satu tanggungjawab kita yang telah menghayati dan sehati dengan wadah perjuangan UMNO untuk terus berusaha menghidupkan semula. 2. Kita akan meneruskan usaha-usaha tersebut menerusi proses perundangan, jika usaha ini gagal kita kan membentangkan hasrat kita ini melalui saluran demokrasi di parlimen dan jika usaha ini gagal kita kan menyerahkan kepada rakyat jelata untuk membuat penentuan dan pilihan. 3. Insyallah berkat dari kesucian niat, kegigihan semangat dan ketekunan usaha, kita dikurniakan kejayaan.
16. 33.1. Saya bertambah yakin bahawa hasrat dan usha kita adaalah satu hasrat dan usaha yang sedang dituntut oleh bangsa kita ketika ini. 2. Ini jelas tergambar melalui suasana yang sama-sama kita saksikan pada petang ini. 3. Dengan semangat, sokongan, dantenaga

saudara saudari sekalian, sama-samalah kita berrdoa semoga Allah s.w.t menganugerahkan kita kekuatan dan keazaman untuk berikhtiar menyelenggarakan satu kongres bangsa melayu untuk menggelorakan semangat perpaduan yang lebih menyeluruh yang selanjutnya akan menjamin kelanjutan 'survival' bangsa Melayu yang bermaruah dan berdaulat.

17. 34.1. Untuk memastikan kelancaran kongres ini, kita berseru kepada semua pihak yang benar-benar kasih dan cintakan bangsanya, supaya tampil ke hadapan untuk sama-sama menyokong dan menjayakannya. 2. Kita harus sanggup dan bersedia untuk mengeneipkan apa jua perbeadaan-perbeadaan yang terdapat sesama kita. 3. Kita juga mesti membenamkan segala rasa cemburu dan iri hati sesama kita. 4. Oleh itu, kita berseru kepada semua makhluk yang bernama Melayu tanpa mengira fahaman dan pegangan politik, tanpa mengira asala daerah dan negeri, tanpa mengira darjat dan kedudukan, agar bersatu demi mengembalikan martabat dan maruah serta ketuanan bangsa Melayu ke atas tanah air yang kita cintai ini.

Daripada beberapa jenis wacana yang dijalinakan dalam ucapan dalam majlis ini, dapat disimpulkan bahawa matlamat penginterdiskursiviti jenis-jenis wacana tersebut pewacana cuba menyedarkan masyarakat khususnya bangsa Melayu tentang masalah yang melanda negara yang disifatkan oleh pewacana kian meruncing. Oleh itu, berlandaaskan jenis-jenis wacana yang dimasukkan dalam ucapan ini, secara tidak langsung dapat membantu pewacana menyampaikan wadah yang hendaak disampaikan. Di samping itu, pewacana juga cuba meyakinkan masyarakat tentang kredibiliti pucuk pimpinan parti yang dipegangnya itu. Oleh itu, jelas berdasarkan amalan wacana yang sedemikian, telah memaparkan denagn jelas praktis kepimpinan beliau iaitu kepimpinan yang mengutamakan khalayak sebagai pendorong utama bagi pewacana dalam memegang pucuk pimpinan parti.

INTERTEKSTUALITI

Intertekstualiti ialah sumber dari teks lain yang dianyam bagi menghasilkan teks baru. Menurut Fairclough (1992: 117), intertekstualiti adalah kes di mana teks khusus lain dimanfaatkan dalam penghasilan wacana atau teks baru. Beliau menulis, "*text absorbs and is built out of texts from the past*". Intertekstualiti dilaksanakan melalui beberapa bentuk, seperti representasi wacana, praandaian, nafian, metawacana, dan ironi. Dalam wacana ucapan ini, penulis mendaapati bahawa terdapat penggunaan metawacana.

Metawacana ialah cara pewacana membezakan aras yang berlainan di dalam teksnya sendiri serta cara pewacaana menjarakkan dirinya daripada sesetengah aras teks, dan menggap aras berlainan ini sebagai milikan lain Fairclough (1992). Metawacana berperanan melalui penyisian, penegasan

sumber teks lain atau konvensyen tertentu, metafora, dan parafrasa. Dalam teks ini. Penulis mendapati, pewacaana menyelitkan simpulan bahasa dalam teks yang diucapkan. Di samping itu, pewacaana turut menyelitkan unsur metafora dan hiperbola bagi menyatakan sesuatu keadaan. Tujuan penyelitan unsur ini sedikit sebanyak dapat membantu pewacana memahami serta membawa audien membayangkan dengan lebih ringkas dan tepat. Penggunaan simpulan bahasa ini, penulis labelkan dengan huruf tebal. Contoh unsur metawacana yang terdapat dalam teks ucapan ini ialah seperti dalam perenggan berikut:

18. 16.1. Kita memang mengakui bahawa Dasar Ekonomi Baru yang diilhami dan dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak di awal tahun tujuh puluhan dahulu telah berjaya memperbaiki kedudukan sosioekonomi bangsa Melayu secara relatif tetapi sejak awal tahun lapan puluhan, ternyata telah gagal mencapai matlamat yang ditetapkan. 2. Ini berlaku kerana kesalahan dan kesumbangan alokasi sumber dalam pembangunan yang lebih mementingkan projek-projek mewah dan megah serta hiperbola industri raksaksa. 3. Satu keadaan yang simpulan bahasa amat menjolok mata ialah kemunculan segelintir golongan yang metafora tidak putus-putusnya membolot kekayaan dengan rakus. Sedangkan pembangunan pertanian dan luar bandar tidak mendapat perhatian dan alokasi sumber yang wajar.

Oleh itu, dengan jelas memaparkan bahawa dengan menyelitkan unsur metawacana ini, sedikit sebanyak dapat membantu pewacana menyampaikan maksud dengan lebih berkesan dan penyelitan unsur ini, sedikit sebanyak dapat mengelakkan jurang antara pewacana dengan pendengar, kerana situasi tersebut tidaklah menampakkan formal sangat. Ini bertetapan dengan majlis yang diadakan itu adalah satu majlis yang boleh disifatkan sebagai majlis pengikat kemesraan antara insan.

PENYEBARAN DAN TRANSFORMASI TEKS

Praktis kepimpinan orientasi khalayak ini terbayang melalui sifat penyebaran dan transformasi wacana pengucapan ini. Menyentuh tentang perspektif penyebaran wacananya, penulis mendapati bahawa pengucapan ini disebarluaskan. Memandangkan pewacana adalah salah seorang pemimpin, jadi tidak hairanlah kata-kata yang keluar dari mulut beliau akan sentiasa ingin didengar dan sudah tentu masyarakat ingin mengetahui setiap butir pembicaraannya.

Langkah membukukan ucapan ini bolehlah dianggap wacana ucapan ini telah mengalami transformasi teks kerana dapat memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membacanya walaupun tidak dapat mendengar sendiri dalam majlis tersebut. Selain itu, langkah ini adalah salah satu langkah yang baik kerana ia dapat menjelaskan kepada generasi hari ini, tentang apakah yang berlaku terhadap senario kepimpinan yang berlaku pada tahun tersebut (1988).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, jelas melalui wacana ucapan ini, penulis mengandaikan atau melabelkan teks ini adalah mengandungi praktis kepimpinannya. Penulis beranggapan sedemikian, kerana walaupun jelas ucaapan di kumandangkan dalam majlis yang boleh dinggap majlis pengikat tali silaturrahim, tetapi isi ucapan teks tersebut lebih menekankan dan menonjolkan ucapan tentang keperibadian pewacana sebagai seorang pemimpin. Sehubungan itu, penulisan ini juga merupakan salah satu usaha penulis memanfaatkan wacana bagi memahami proses sosial yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, berlandaskan teori analisis kritis ini dengan jelas memaparkan bahawa wacana pengucapan Tengku Razaleigh Hamzah jelas mengandungi praktis kepimpinannya.

BIODATA PENULIS

Rahim Aman ialah seorang Prof. Madya di Program Pengajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Linguistik Sejarah dan Dialektologi.

Norfazila Ab Hamid ialah seorang pensyarah bahasa Melayu di bawah Unit Bahasa, Jabatan Peradaban dan Potensi Insan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Linguistik Sejarah dan Dialektologi.

RUJUKAN

- Fairclough, N. & Wodak, R. (1997). *Critical Discourse Analysis*. Dlm. Van Dijk, T.A. (ed). *Discourse as Social Interaction*. London: Sage Publications.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Gorys Keraf. (2007). *Argumentasi dan Narasi*. Jakarta: Gramedia.
- Gorys Keraf. (2008). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Gramedia.
- Hall, S. (ed). (1997). *Representation: Cultural Representation and Signifying Practices*. London: Sage Publications.
- Harimurti Kridalaksana. (2008). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia.
- Idris Aman. (2002). *Bahasa dan Praktis Kepimpinan Negara: Analisis Wacana Perdana Menteri Mahathir Mohammad*. Kuala Lumpur: dewan bahasa dan Pustaka.
- Karlberg, M. (2005). The Power of Discourse and The Discourse of Power: Pursuing Peace Through Discourse Intervention. *International Journal of Peace*, 10 (1): 1-23.
- Philips, N. & Cynthia, H. (2002). *Discourse Analysis: Investigating Processes of Social Construction*. London: Sage Publications.
- Severin, W.J. & Tankard, J.W. (1979). *Communication Theories, Origins, Methods, Uses*. New York: Communication Arts Books.
- Stubbs, M. (1983). *Discourse Analysis: The Sociolinguistics Analysis of Natural Language*. Oxford: Basil Blackwell.
- Untung Yumono. (2007). Wacana. Dlm. Kushartanti at el. (eds). *Pesona Bahasa Langkah Awal Memahami Linguistik*. Jakarta: Gramedia.
- Van Dijk, T.A. (1998). Critical discourse analysis <http://www.hum.uva.nl/teun/cda>. Htm.
- Zainal Arifin & Junaiyah. (2009). *Keutuhan Wacana*. Jakarta: Grasindo